

# AMARAN KPD GOLONGAN MUDA

**KUALA LUMPUR, Isnin.** — Datuk Musa Hitam memberi amaran kepada golongan muda yang diberi peluang memimpin Kerajaan Negeri dan menyertai Kerajaan Pusat membuktikan kemampuan masing-masing sejajar dengan hasrat rakyat.

Pemangku Perdana Menteri menegaskan malam ini, sebarang kegagalan yang dibuat oleh golongan muda ini akan menjejaskan

kepercayaan pucuk pimpinan terhadap kemampuan pemuda di masa-masa akan datang.

Disamping itu, tambah beliau, ia juga akan mengesahkan kritik-kritik dari golongan yang tidak puashati terhadap perantikan terlalu ramai golongan muda dalam Kerajaan.

Datuk Musa yang juga Timbalan Presiden UMNO berkata demikian ketika berucap di majlis kesyukuran Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia di Lake Club di sini.

Beliau menegaskan, kepercayaan pucuk pimpinan terhadap golongan muda ini adalah sebagai usaha mewujudkan proses penukaran pucuk pimpinan supaya ia akan disiapkan dengan rapi.

"Proses penukaran ini dilakukan bagi memastikan sistem yang demokrasi yang diamalkan di negara ini akan dapat diteruskan dengan dinamis dan mengikut kehendak rakyat," tegas Datuk Musa.

Proses penukaran ini, tambah beliau, per-

lu dilakukan setiap pilihan raya atau pemilihan parti supaya proses seperti ini tidak menjejaskan kestabilan politik.

Pemangku Perdana Menteri menegaskan, golongan muda yang diberi kepercayaan terutama mereka yang dilantik menjadi Menteri Besar mestilah melaksanakan pentadbiran atau cara mengikut kebijaksanaan sendiri.

"Mereka hendaklah jangan sama sekali gagal memenuhi hasrat rakyat dalam setiap pertimbangan yang dilakukan.

"Di situlah terletaknya kematangan dan kemampuan serta cabaran yang mesti ditempuh oleh golongan muda tersebut.

Datuk Musa membidas golongan tua yang mengkritik langkah pucuk pimpinan melantik golongan muda ini.

## Dikaji

"Saya merasa aneh terhadap pengkritik itu kerana mereka yang mengkritik itu tergolong dari orang yang berpengalaman dan lama berkecimpung dalam Kerajaan.

"Kalau dikaji latar belakang mereka itu, mereka sendiri diberi peluang sejak umur 20-an atau 30-an untuk memimpin,"

"Mengapakah mereka memersoalkan bila pucuk pimpinan melantik golongan muda sekarang," tegas tanya beliau.

Sebelum itu, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Datuk Haji Suhaimi bin Datuk Kamaruddin mengucapkan terima kasih kepada pucuk pimpinan parti memberi kepercayaan kepada Pemuda untuk memimpin empat buah negeri dan juga melantik sebagai Menteri,

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia